



26 September 2012
26 September 2012
P.U. (A) 317

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 4) 2012

STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 4) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 4) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 4) 2012**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012 dan hendaklah terus berkuat kuasa hingga 31 Disember 2013.

Pengecualian

2. Surat cara yang berikut bagi pembelian rumah pangsa di bawah Program Perumahan Rakyat Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang disempurnakan pada atau selepas 1 Januari 2012 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2013 adalah dikecualikan daripada duti setem:

- (a) Perjanjian Jual Beli rumah pangsa antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan pembeli;
- (b) surat cara yang menguatkuasakan pindah hakmilik rumah pangsa daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kepada pembeli yang dinamakan dalam Perjanjian Jual Beli dalam perenggan (a); dan
- (c) surat cara dalam bentuk cagaran yang disempurnakan antara pembeli yang dinamakan dalam Perjanjian Jual Beli dalam perenggan (a) dengan suatu bank atau institusi kewangan untuk membiayai pembelian rumah pangsa itu.